



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11/6/2011

Kerajaan pastikan rakyat pelbagai kaum dapat manfaat RMKe-10

KEMAJUAN memberangsangkan yang dicapai kerajaan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tentu menggembirakan banyak pihak terutama rakyat. Kejayaan membanggakan itu-dicapai melalui pelbagai projek yang dilaksanakan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini sejak RMKe-10 dilancarkan setahun lalu. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop ketika mengumumkan kemajuan RMKe-10 kelmarin, menjelaskan dalam tempoh berkenaan, pelbagai aktiviti sudah dilaksanakan dengan baik serta banyak kejayaan dicapai dari segi perkongsian awam-swasta. Sehubungan itu, beliau menyatakan banyak projek lagi sudah dibawa ke Kabinet serta diteliti dan diluluskan Majlis Ekonomi dan bakal dilaksanakan dalam tempoh enam

bulan akan datang. RMKe-10 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada sesi Sidang Dewan Rakyat pada 10 Jun tahun lalu genap setahun pelaksanaannya kelmarin. Sebanyak RM230 bilion diperuntukkan kerajaan dalam RMKe-10 untuk tempoh lima tahun bermula Januari lalu hingga 2015. Tempoh itu (2011-2015) dilihat amat kritikal bagi meneruskan kesinambungan pembangunan nasional ke arah merealisasikan Wawasan 2020 menuju menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Daripada peruntukan itu kira-kira 60 peratus untuk pembangunan fizikal, manakala selebihnya untuk pembangunan bukan fizikal.

Rancangan lima tahun itu yang bertemakan Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial, kali ini dirangka dengan

pelbagai pendekatan baru dalam perjalanan menuju ekonomi berpendapatan dan berproduktiviti tinggi sesuai dengan Model Baru Ekonomi (MBE) yang diperkenalkan kerajaan. Dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu, prestasi ekonomi negara bagi suku pertama tahun ini berupaya mencatatkan pertumbuhan 4.6 peratus. Manakala, pendapatan kasar negara (GNI) per kapita pula RM27,780, pelaburan swasta RM28 bilion, akaun semasa mewakili 15.3 peratus daripada GNI, kadar inflasi 2.8 peratus dan kadar pengangguran 3.1 peratus. Kita percaya dengan kesungguhan dan komitmen bukan saja pada pihak kerajaan tetapi rakyat keseluruhannya, prestasi semasa ekonomi negara dapat dipertingkatkan dan terus dipertahankan. Kerajaan pasti mengharapkan setiap projek yang bakal dilaksa-

nakan mendapat sokongan padu rakyat. Sebagai pemerintah, kerajaan tentu mahu setiap projek dapat memastikan rakyat pelbagai kaum hidup selesa dan sejahtera. Pada masa sama, kerajaan diharap tidak mengabaikan agenda pembangunan Bumiputera sebagai antara agenda utama dalam RMKe-10. Rata-rata Bumiputera masih ketinggalan dalam banyak aspek seperti pendidikan dan perniagaan. Kita percaya melalui Majlis Tertinggi yang ditubuhkan bagi memperkasakan pembangunan Bumiputera hasrat melihat orang Melayu dan Bumiputera lain dapat 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah' dengan kaum lain dapat direalisasikan. Kita percaya hanya dengan kedudukan ekonomi seimbang antara kaum, kemakmuran dikecapi bersama tanpa ada kaum berasa terpinggir atau diabaikan.